

©SVLTAN Management.
All Rights Reserved

ARTIST PROFILE - **KIDD SANTHE**
"RAPPER & PRODUCER"



THOUSAND



**Kidd
Santhe**

Kidd Santhe

ABOUT

Memperkenalkan Kidd Santhe, seorang rapper dan juga komposer yang sedang mencipta gelombang dalam industri muzik Malaysia. Dilahirkan dengan minat mendalam untuk muzik, beliau memulakan perjalanannya seawal usia 10 tahun dengan mendalami dunia beatbox, sebelum beralih arah ke pelbagai aspek penciptaan muzik lain termasuklah rapping, menggubah lagu, menulis, menerbitkan dan juga seni campur dan adun muzik.

Bakat Kidd Santhe mula menghiasi pentas industri muzik pada tahun 2010, untuk rancangan Disney, 'My School Rocks'. Ketika usianya 16 tahun pula, beliau telah mula menarik perhatian peminat apabila berjaya mencapai lebih 200,000 strim di platform SoundCloud dalam masa tiga bulan sahaja.

Sejak itu, kehebatan artistik Kidd Santhe terus melonjak naik, dan beliau kini mempunyai lebih 60 buah lagu dalam portfolionya. Salah sebuah lagu kolaborasinya bersama MK K-Clique dan Meerfly, 'Haa Tepok', menjadi titik perubahan terbesar dalam kerjayanya apabila lagu tersebut berjaya merentas industri muzik tempatan dan mendapat lebih 100 juta penstriman digital dan 89 juta tontonan di YouTube. Ini sekaligus melonjakkan nama Kidd Santhe setaraf dengan idola-idola hip hop tempatan seperti Altimet dan Joe Flizzow.


Mengikuti kejayaan itu, artis-artis tempatan terkenal mula mengintai untuk bekerjasama dengan Kidd Santhe, termasuk Syamel, Aman Ra, SonaOne dan ramai lagi. Sentuhan Kidd Santhe dianggap mampu mengangkat martabat sesebuah projek. Pengaruh beliau semakin meluas apabila beberapa jenama global besar telah memilihnya untuk menghasilkan lagu – antaranya FIFA World Cup, Netflix, Astro, Milo, Cadbury, Pepsi dan banyak lagi.

Selain bidang muzik, Kidd Santhe turut menceburi bidang lakonan apabila beliau tampil dalam sebuah siri episodik original Netflix, '#NetflixBahasaSini', serta menyumbangkan suaranya untuk filem animasi terbitan Sony Pictures, 'Over The Moon' di samping M. Nasir dan Sherry Alhadad. Pengaruhnya juga merentas luar studio apabila beliau dipilih sebagai salah seorang juri dalam pertandingan realiti adaptasi BBC One, 'All Together Now' yang ditayangkan di Astro.

Pada tahun 2021, Kidd Santhe mengambil langkah berani untuk menubuhkan syarikat produksinya sendiri, Kidd Next Door Productions, sebuah platform untuk dirinya terus berkarya kreatif secara bebas. Album keduanya berjudul 'SAMPAH' yang telah dilancarkan pada tahun 2022 dari syarikat produksi sendiri, menandakan permulaan baharu untuk dirinya.

Selain itu, Kidd Santhe turut aktif membantu bakat baru dengan mengongsi pengetahuan dan kemahirannya di dalam bidang muzik. Dedikasinya terhadap muzik telah membuka peluang untuk beliau menjadi seorang pensyarah jemputan di Kolej CATS, sebagaimana usahanya dalam memainkan peranan untuk membentuk generasi muzik akan datang.

Perjalanan muziknya di peringkat antarabangsa baru sahaja bermula, dan 2024 semestinya menjanjikan tahun yang amat bermakna untuk Kidd Santhe. Antara rancangannya adalah untuk memperkenalkan genre muzik baru dan terus mentakrifkan semula landskap muzik, sekaligus memberi kesan yang lebih mendalam di peringkat global.



PROJEK TERKINI



★ 23

YouTube
502K+
Tontonan

Spotify
772K+
Kali dimainkan



★ KU BESAR

YouTube
139K+
Tontonan

Spotify
37K+
Kali dimainkan



Rapper

Producer

Lyricist

Mixing

Mastering Engineer

SOCIAL MEDIA

Instagram
275K+ Genuine Followers

Tik Tok
97.5K+ Genuine Followers

Youtube
9.56K+ Genuine Followers

Twitter
14.6K+ Genuine Followers

Booking /
Enquiries:

Sofy Mohsen
012-235 1567

sofy@svltan.com

